

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon


Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Adalah Apa Dengan GINCU

Nur Dalila Adenan

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, gincu atau lebih sinonim dengan lipstik membawa maksud bahan yang digunakan untuk mewarnakan bibir. Ia merupakan alat solek yang tidak asing lagi bagi setiap wanita yang digunakan saban hari untuk menaikkan seri wajah. Setiap calitan mampu memberi aura luarbiasa yang menghidupkan wajah yang kusam. Justeru, setiap wanita dipercayai mempunyai sekurang-kurangnya satu warna gincu kegemaran walaupun tidak mempunyai keyakinan untuk mengenakan warna tertentu. Namun, wanita yang kurang gemar bersolek, sekurang-kurangnya mereka perlu mengenakan gincu atau lipstik apabila keluar rumah terutama untuk ke majlis rasmi mahupun ke pejabat bagi menampilkan pesona diri dan kelihatan lebih berkeyakinan.

Selain itu, gincu berfungsi untuk memperbaiki pesona bibir dengan menimbulkan aura kelembapan di bibir. Setiap perubahan warna, tekstur serta sedikit peningkatan kilauan gincu mampu membuatkan garis kedut serta lipatan pada bibir lebih munggil. Artikel yang ditulis oleh Belali, (2017) ada menjelaskan

Photo by Laura Chouette on Unsplash

40 | BizNewz 2021

eISSN 2600-9811

mengenai mekanisme serta formula gincu dalam mewarnai dan melembapkan bibir yang dirancang untuk memperbaiki penampilan alami bibir. Kini, gincu dilihat kian menjadi perhatian ramai terutama dengan kehadiran jenama-jenama kosmetik dalam pasaran membolehkan wanita memilih jenis yang bersesuaian dengan kulit, pakaian dan personaliti mereka. Dengan pemerksaan promosi kosmetik oleh artis dan 'instafamous', orang ramai lebih cenderung mengikut gaya gincu pilihan artis pujaan mereka. Hakikatnya, warna gincu yang tepat perlulah dipilih bersesuaian dengan tona kulit, struktur bibir, penampilan dan karakter individu. Malah, hasil kajian daripada Amaliah dan Oktaorora, (2011) mendapati 51 peratus pelanggan dapat menentukan warna gincu menerusi aplikasi yang dibangunkan dengan adaptasi proses pengenalan pola, klasifikasi dan ramalan pada data yang ada. Ini dapat memudahkan seseorang individu memilih warna gincu yang tepat untuk dirinya.

"Gincu berfungsi untuk memperbaiki pesona bibir dengan menimbulkan aura kelembapan di bibir."

Wanita berkulit cerah lebih mudah memilih warna yang sesuai untuk kulit mereka berbanding wanita berkulit gelap. Namun, wajah akan tampak pucat jika warna gincu dipadankan terlalu lembut. Oleh itu, disaran gincu berona merah jambu untuk imej sopan, warna jingga bagi penampilan segar dan warna merah terang pula untuk penampilan berani. Jadi, bagi wanita yang sukakan penampilan misteri, warna merah delima atau coklat diyakini sesuai dipakai terutama untuk menghadiri majlis makan malam. Namun, wanita berkulit gelap tidak perlu susah hati dan rendah diri. Rona kulit gelap juga mempunyai tarikan tersendiri jika pilihan gincu sesuai, iaitu warna terang dan berani seperti warna beri yang akan membuatkan

anda lebih menyerlah dan menambah aura keperibadian semula jadi. Sebagai penyeri, sedikit calitan pengilat bibir sebagai sentuhan akhir mampu meningkatkan pesona seseorang individu. Penjagaan bibir juga perlu untuk memastikan bibir tidak kering dan menggelupas kerana ia mampu merosakkan imej wanita.

Gincu juga dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis iaitu cecair, kering, gel, berkilat, silikon dan berbatang. Kesemua ciri gincu ini mempunyai kekuatan tersendiri pada penggemarnya. Jadi, pengguna perlu bijak memilih supaya tampil bergaya dengan penampilan masing-masing.

Gincu, pemilihannya seperti agak remeh, namun percayalah, ia mampu memberikan impak besar dalam pembentukan keperibadian seseorang. Selain itu, keyakinan diri akan terserlah apabila anda mengenakan rona gincu yang sesuai.

Rujukan:

Amaliah, B., & Oktaorora, A. (2011). Pemilihan warna lipstick berdasarkan informasi usia dan warna kulit dengan menggunakan metoda Artificial Neural Network. Seminar Nasional Teknologi Informasi & Komunikasi Terapan (Semantik), Universitas Dian Nuswantoro, Semarang. 1(1).

Belali, N. (2017). Mekanisme lipstick dalam mewarnai dan melembapkan bibir. *Majalah Farmasetika*, 2(2), 9-11.

Dewan Bahasa & Pustaka (2008). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

"Pemilihannya seperti agak remeh, namun percayalah, ia mampu memberikan impak besar dalam pembentukan keperibadian seseorang."



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash